



**Pematuhan sepenuhnya SOP ialah syarat utama sebelum memulakan sebarang perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif**

**Shamsul Anuar Nasarah,**  
Menteri Tenaga dan Sumber Asli

**Unsur nadir bumi di Kedah**

BH 9/12/2020  
m/s 18

## Majlis Tanah Negara belum beri kebenaran

**Kuala Lumpur:** Majlis Tanah Negara masih belum membincangkan secara terperinci berhubung penerokaan dan pengeluaran unsur nadir bumi di Kedah atau di tempat lain.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata walaupun kerajaan sedang membangunkan kerangka prosedur operasi standard (SOP) perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif, ia tidak bermaksud kerajaan sudah bersedia membenarkan aktiviti perlombongan terbabit dilakukan pada masa ini.

“Walaupun pengeluaran permit untuk penerokaan mineral terletak di bawah kuasa kerajaan negeri, penetapan dan penentuan syarat akan dibentuk secara bersama membabitkan kerjasama antara agensi di peringkat pusat dan negeri bagi memastikan semua syarat dipatuhi sebelum kelulusan diberikan.

“Untuk makluman, Majlis Mineral Negara (MNN) yang diaktifkan semula akan menilai SOP unsur nadir bumi bukan radioaktif ini dan akan dibincang bersama kerajaan negeri dan kementerian berkaitan.

“Mesyuarat pertama MNN

dijangka diadakan pada penghujung bulan ini,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Fuziah Salleh (PH-Kuantan) yang meminta penjelasan sama ada Majlis Tanah Negara melakukan penelitian berhubung kebenaran penerokaan dan pengeluaran unsur nadir bumi di Kedah dan di tempat lain dalam negara.

Shamsul Anuar berkata, kerangka SOP yang sedang dibangunkan itu disokong perundangan berkaitan seperti Akta Pembangunan Mineral 1994, Akta Penyiasatan Kajibumi 1974, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan Enakmen Mineral Negeri-Negeri.

“Pematuhan sepenuhnya SOP ialah syarat utama sebelum memulakan sebarang perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktif yang dikawal melalui Skim Pengendalian Melombong (OMS).

“Ini bagi mengelakkan insiden pencemaran yang boleh menjejaskan alam sekitar, sumber air dan kesihatan masyarakat,” katanya.